

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH : 20 MAC 2018 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	MAVCAP, CCB set sup green tech fund worth RM782m	New Straits Times
2.	MAVCAP perkenal dana teroka baharu RM282 juta	Berita Harian
3.	Kesalahan sijil halal palsu hampir sifar	Sinar Harian
4.	Ahli kimia Terengganu meriahkan Majlis Apresiasi IKM	KOSMO

BERITA ONLINE
NST.COM.MY
TARIKH: 20 MAC 2018 (SELASA)

NEW STRAITS TIMES

ESTABLISHED 1845

MAVCAP, CCB sets up green tech fund worth RM782m



KUALA LUMPUR: Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) has achieved a significant milestone with the signing of the Memorandum of Understanding (MoU) with China Construction Bank Corporation (CCB) to set up the ASEAN Green Technology Fund worth US \$200 million (RM782 million).

MAVCAP's chief executive officer Jamaludin Bujang said that this is the first of such fund in ASEAN which will focus on the final stages of growth and financing for emerging green innovation and technology projects in Malaysia and Southeast Asia.

"Currently, we have identified several high impact projects and further discussions are underway.

"For these funds, we will start with one or two projects in Malaysia and then look at the potential in other ASEAN countries," he said after the MoU signing in Hong Kong recently.

The MoU was signed by MAVCAP chairman Datuk Noharuddin Nordin while CCB was represented by the head of investment banking division Simon Lee and portfolio management chief Tony Hung.

Jamaludin said through the fund, it is hoped that more investments and expansions in the renewable energy sector can be identified while providing support for the development of green technology ecosystems in the region.

"We are aiming to spend about US\$600 million in funding over the next two years. We see a return on investment of between 10 and 15 percent," he said.

He said Malaysia has great potential in the green technology sector as it is supported by government initiatives that encourage local companies to venture into the sector.

"Malaysia has a good structure for green technology and it helps us as an investor.

"Basically, the idea to set up this fund started over two years ago when we had a discussion with the Ministry of Energy Green Technology and Water (KeTTHA) and we want it to be implemented more widely (outside Malaysia)," he said.

Jamaludin said, about US \$7.8 trillion worth of investments are needed in the renewable energy sector globally.

"Most demand comes from ASEAN countries, as most remote areas are still facing green technology constraints and require investments in mini hydro solar, so we think this is the right time to launch this fund," he said.



MAVCAP perkenal dana teroka baharu RM782 juta

HONG KONG: Malaysia Venture Capital Management Bhd (MAVCAP) melakar pencapaian penting dengan memeterai Memorandum Persefahaman (MoU) bersama China Construction Bank (CCB) untuk menubuhkan dana teroka baharu, Dana Teknologi Hijau Asia bernilai AS\$200 juta (RM782 juta).

Ketua Pegawai Eksekutif MAVCAP, Jamaludin Bujang, berkata dana yang pertama seumpamanya di Asia itu akan memberi tumpuan terhadap pertumbuhan dan pembiayaan peringkat akhir bagi projek berkaitan inovasi dan teknologi hijau yang sedang berkembang di Malaysia dan Asia.

"Ketika ini kami sudah pun mengenal pasti beberapa syarikat yang menjalankan projek yang berimpak tinggi dan perbincangan lanjut sedang dijalankan.

"Bagi dana ini, kami akan memulakan dengan satu atau dua projek di Malaysia dan kemudian melihat kepada potensi di negara rantau Asia lain," katanya selepas majlis MoU di sini, baru-baru ini.

MoU itu ditandatangani oleh Pengerusi MAVCAP, Datuk Noharuddin Nordin dan CCB International diwakili Ketua Bahagian Perbankan Pelaburannya, Simon Lee dan Ketua Pengurusan Portfolio, Tony Hung.

Jamaludin berkata, menerusi Dana Teknologi Hijau, pihaknya berharap dapat mengenal pasti, melabur dan mengembangkan operasi syarikat teknologi tempatan dalam sektor tenaga boleh diperbaharui dan menyokong pembangunan ekosistem teknologi hijau di rantau ini.

"Kami sasar untuk mengembangkan jumlah dana sebanyak AS\$600 juta dalam tempoh dua tahun. Kami melihat pulangan pelaburan bagi dana ini antara 10 hingga 15 peratus," katanya.

Beliau berkata, Malaysia mempunyai potensi yang besar dalam sektor teknologi hijau kerana ia disokong oleh inisiatif kerajaan yang menggalakkan syarikat tempatan menceburi sektor berkenaan.

"Malaysia mempunyai struktur yang baik bagi teknologi hijau dan ia memudahkan kami sebagai pelabur. Pada dasarnya, idea untuk menubuhkan dana ini bermula sejak dua tahun lalu apabila kita mengadakan perbincangan dengan Kementerian Tenaga Teknologi Hijau Dan Air (KeTTHA) dan kita mahu ia dilaksanakan lebih meluas (luar Malaysia)," katanya.

Beliau berkata, kira-kira AS\$7.8 trilion nilai pelaburan diperlukan dalam sektor tenaga boleh diperbaharui di peringkat global.

"Kebanyakan permintaan adalah daripada negara ASEAN dan Asia. Ini kerana kebanyakan kawasan terpencil masih berdepan kekangan teknologi hijau dan memerlukan pelaburan dalam mini hidro solar. Jadi kita rasa inilah masa yang tepat untuk lancarkan dana ini," katanya.



Kesalahan sijil halal palsu hampir sifar



Jamil Khir Baharom

KUALA LUMPUR - Penguatkuasaan Akta Perihal Dagangan 2011 (APD 2011) hampir berjaya mensifarkan kesalahan berkaitan sijil halal palsu, Dewan Rakyat diberitahu hari ini.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Jamil Khir Baharom berkata akta itu yang menggantikan Akta Perihal Dagangan 1972 telah membolehkan pengeluaran sijil halal diperkemas apabila hanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim) dan Jabatan Agama Islam Negeri yang diberi kuasa mengeluarkan sijil halal.

"Sebelum ini menerusi Akta Perihal Dagangan 1972, sesiapa pun boleh keluarkan sijil...mana-mana badan persendirian dan syarikat swasta pun boleh keluarkan sijil apabila mereka mendaftarkan syarikat berkaitan halal," katanya menjawab soalan tambahan Siti Zailah Mohd Yusoff (Pas-Rantau Panjang) mengenai cabaran dihadapi kerajaan melibatkan pihak-pihak yang memanipulasi sijil halal.

Dalam pada itu, Jamil Khir berkata kerajaan tidak bercadang mewujudkan satu lagi entiti khas bagi mengambil alih tugas Jakim dan Perbadanan Pembangunan Industri Halal (HDC) dalam mengurus selia pengeluaran sijil halal.

Katanya, kedua-dua badan itu telah menjalankan tugas dengan baik dengan Jakim berperanan mengeluarkan sijil halal, manakala HDC lebih fokus kepada pengurusan, pemantauan dan penyelarasan pemain industri.

"Kita dah ada pengalaman, masa bahagian halal satu ketika dulu berada di bawah HDC, kadang-kadang bila sijil itu dikeluarkan melalui arahan HDC, timbul persoalan adakah sijil ini dikawal oleh pihak berkepentingan kepada industri itu atau ia badan benar-benar bebas," katanya.

Jamil Khir berkata, kedua-dua agensi itu juga merupakan sekretariat bersama dalam Majlis Halal Malaysia (MHM) berserta dengan **Jabatan Standard Malaysia**.

Mengulas lanjut, beliau berkata penubuhan MHM adalah bagi menyelaraskan agensi-agensi terbabit sama ada di peringkat persekutuan mahupun negeri untuk memastikan Malaysia terus menerajui halal global dan menjadi pusat rujukan dunia.

“Dalam masa sama, pembangunan industri halal negara dapat diselaras agar lebih strategik, efektif dan menyeluruh melalui pembangunan beberapa komponen penting yang menghasilkan satu ekosistem halal yang holistik,” katanya.

Beliau menjawab soalan asal Datuk Norah Abd Rahman (BN-Tanjong Manis) yang ingin tahu sama ada Jakim dan HDC boleh disatukan supaya urusan permohonan sijil halal dikawal satu entiti supaya ia tidak mengelirukan pelabur asing. - Bernama

Ahli kimia Terengganu meriahkan majlis Apresiasi IKM

UKHUWAH. Seramai 80 ahli kimia dan keluarga memeriahkan majlis Apresiasi Institut Kimia Malaysia (IKM) cawangan Terengganu di Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu baru-baru ini. Pengerusi IKM Terengganu,

Li Hui Ling berkata, majlis tersebut bertujuan mengeratkan hubungan antara ahli kimia yang menganggotai IKM selain menghargai sumbangan mereka sepanjang tahun lalu. "Kebanyakan ahli IKM Terengganu terdiri daripada

kakitangan **Jabatan Kimia Malaysia**, pensyarah, pegawai sains Universiti Malaysia Terengganu, ahli kimia Makmal Penyelidikan Kebakaran Jabatan Bomba dan Penyelamat Terengganu dan syarikat swasta," katanya.



BEBERAPA ahli kimia yang menghadiri majlis Apresiasi IKM cawangan Terengganu di Hotel Grand Continental, Kuala Terengganu baru-baru ini.